



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Mohamad NorTaufiq Nor Hashim, Zhang Yingchen, Ren Hanyu, Yang Di, Lu Shiqing & Wen Qing. (2023). Etimologi kesinoniman kata asing dalam bahasa Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 199– 222. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.9>

ETIMOLOGI KESINONIMAN KATA ASING DALAM BAHASA MELAYU

(Etymology of Foreign Word Synonyms in Malay)

¹Mohamad NorTaufiq Nor Hashim, ²Zhang Yingchen,
³Ren Hanyu, ⁴Yang Di, ⁵Lu Shiqing & ⁶Wen Qing

^{1,2&3}School of Asian and African Studies,
Xi'an International Studies University, China

⁴School of Asian and African Studies,
Chengdu Institute Sichuan International Studies University, China

⁵School of Asian and African Studies,
Tianjin Foreign Studies University, China

⁶School of Foreign Language, Yunnan University, China

¹*Corresponding author: nortaufiqhashim@gmail.com*

Received:12/4/2022 Revised: 7/2/2023 Accepted:1/4/2023 Published: 31/7/2023

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan perihal pewujudan bentuk kata yang bersinonim dalam bahasa Melayu melalui proses peminjaman kata daripada pelbagai rumpun bahasa. Penentuan dan pemilihan data terpilih dibuat berdasarkan makna dan asal usul kata yang telah dikenal pasti dalam kajian lepas yang mewujudkan bentuk

bersinonim. Setiap data dipilih dipadankan dengan perkataan Melayu lain yang memiliki fitur persamaan dari sudut makna. Penelitian kata bersinonim dibuat berdasarkan pengaplikasian kerangka etimologi Collins (2003) yang telah diperkembangkan bersesuaian dengan objektif kajian ini. Penelitian dari sudut masa meliputi aspek penggunaan kata dalam bahasa Melayu turut dibincangkan. Pertembungan bahasa yang berlaku dan prestij bahasa mendorong berlakunya peminjaman kata daripada pelbagai rumpun bahasa. Fenomena yang berlaku secara tidak langsung membentuk kata yang bersinonim dengan perkataan Melayu sedia ada dan pembentukan kata bersinonim juga berlaku lebih daripada dua kata. Kajian ini juga mendapati kata bersinonim yang wujud menerusi peminjaman disebabkan oleh perubahan zaman yang mendorong pengguna bahasa meminjam bentuk kata lain yang diterima umum serta difahami oleh masyarakat setempat.

Kata kunci: Sinonim, etimologi, rumpun bahasa, semantik, peminjaman.

ASBTRACT

This article discusses the creation of synonymous word forms in the Malay language through the process of borrowing words from various language family. The determination and selection of selected data is based on the meaning and origin of words that have been identified in previous studies that create synonymous forms. Each data is selected to be matched with other Malay words that have similar meanings. The research of synonymous words is based on the application of the etymological framework of Collins (2003) which has been streamlined in accordance with the objectives of this study. Research from the perspective of time covering aspects of word usage in the Malay language is also discussed. The language clash that occurs and the prestige of the language prompts the borrowing of words from various language clusters. The phenomenon that occurs indirectly forms word that is synonymous with existing Malay words and the formation of a synonymous word also occurs in more than two words. This study also found synonymous words that exist through borrowing due to changes in the times that encourage the language user borrow other words forms due being generally accepted and understood by the community.

Keywords: Synonyms, etymology, language family, semantic, borrowed.

PENGENALAN

Kata bersinonim merupakan persamaan yang berlaku pada makna kata yang berlainan bentuk dalam bahasa yang sama. Walau bagaimanapun, persamaan dari segi bentuk dan makna antara bahasa Melayu dengan kata dalam bahasa lain turut berlaku melalui peminjaman. Pewujudan perkataan bersinonim yang terjadi kepada banyak perkataan Melayu didorong oleh banyak faktor antaranya ialah prestij atau pengaruh bahasa. Campbell (2013:58) menyatakan '*languages borrow words from other languages primarily because of need and prestige*'. Penelitian terhadap data kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit, Parsi dan Cina sebelum ini telah memperlihatkan akan kewujudan persamaan atau kemiripan dari sudut semantik yang berlaku melalui peminjaman (Mohamad NorTaufiq & Aniswal, 2013). Hal ini bermaksud pengguna bahasa tetap melakukan peminjaman daripada rumpun bahasa berbeza walaupun telah ada kata yang seerti seperti *lada* dan *cabai* sebelum kemasukan kata *cili* (cf. Mohamad NorTaufiq, 2022). Sebelum ini bahasa Melayu telah ada kata *lada* yang memiliki kemiripan dengan kata '*la*' dalam bahasa Cina, namun kata *cili* sekali lagi masuk ke dalam bahasa Melayu yang mungkin melalui Belanda atau Inggeris. Sejak abad ke-17 *lada* digunakan dan telah dijejak penggunaannya melalui *Surat Perjanjian Jual Beli Lada* yang bertarikh 1600 Masihi (Hashim, 2003). Peminjaman ini menunjukkan bahawa perubahan zaman telah mendorong peminjaman kata disebabkan pengaruh satu bahasa ke atas bahasa Melayu.

Pembentukan perkataan yang dianggap bersinonim tidak semestinya memiliki ciri makna yang sepenuhnya sama kerana terdapat beberapa kata yang dikatakan bersinonim tidak membawa kepada persamaan nilai yang menyeluruh atau total. Contohnya, perkataan *emak* yang sesuai untuk dijadikan rujukan dan panggilan kepada manusia sahaja, dan berbeza dengan kata *ibu* yang bukan sahaja digunakan terhadap manusia bahkan perkataan tersebut lazim digunakan kepada makhluk lain, seperti haiwan dan juga benda (Nurulhayati & Che Ibrahim, 2015). Hal ini bermaksud masih wujud perbezaan jika diteliti dari sudut konteks penggunaan seperti kata *cantik* dan *indah* yang keduanya masih memiliki fitur yang membezakan, tetapi tetap dikenali sebagai bentuk yang bersinonim. Hal ini selaras dengan apa-apa yang dinyatakan oleh Abdullah Hassan (1992) bahawa sinonim juga wujud kerana gaya dan nilai yang berlainan. Misalnya, penggunaan kata *mangkat* untuk 'raja' dan *mampus* untuk 'haiwan'. Walau

bagaimanapun, ada pengguna bahasa yang juga menggunakan *mati* untuk haiwan disebabkan hubungan yang terbina antara manusia dengan haiwan kesayangan. Tuntasnya, pemilihan kata yang bersinonim ketika berkomunikasi amat penting kerana ia menentukan kesopanan, kearifan pengguna bahasa dan kesesuaian sesebuah ayat.

SOROTAN LITERATUR

Proses peminjaman perkataan daripada bahasa Cina, Sanskrit, Arab dan Indo-Eropah lain tercetus daripada pertembungan bahasa. Pertembungan bahasa merupakan proses pengambilan elemen daripada satu bahasa dan digunakan dalam ‘konteks’ yang lain (Heah, 1989). Proses ini juga dikenali sebagai pinjaman perkataan atau disebut juga sebagai pinjaman linguistik. Pertembungan bahasa secara tidak langsung menjelaskan asal usul perkataan dan memberi panduan dalam meneliti aspek bentuk dan perubahan kata, bunyi kata, dan makna sesebuah perkataan. Terdapat beberapa faktor utama yang membentuk kata bersinonim menerusi peminjaman kata, antaranya ialah penyebaran agama, perdagangan, dan kedudukan bahasa atau prestij.

Jika dilihat dari sudut prestij, bahasa Sanskrit yang menjadi penyumbang kepada pertambahan kosa kata Melayu merupakan bahasa yang tinggi nilainya, dan tambahan pula bahasa Sanskrit merupakan bahasa asing pertama yang mencorakkan bahasa Melayu (Amat Juhari, 1993). Buktinya, penggunaan bahasa Sanskrit hanya dalam kalangan pembesar dan golongan agamawan atau cendekiawan, dan bahasa ini sering dimartabatkan oleh golongan Brahmi (Deshpande, 2007; Noriah & Selvarani, 2015; Ismail, 1992). Begitu jugalah hal yang terjadi kepada penutur bahasa Inggeris yang memandang tinggi dan menganggap bahasa Perancis mempunyai nilai sosial yang lebih tinggi dan lebih berprestij (Campbell, 2013). Penggunaan yang terhad yang hanya difahami oleh golongan atasan menunjukkan sesebuah bahasa itu memiliki status tinggi. Soalnya, adakah penutur bahasa Melayu meminjam perkataan Sanskrit disebabkan nilai prestij bahasa tersebut?

Dengan mengambil contoh bentuk sinonim antara kata *bini* dan *isteri*, pengkaji berpandangan bahawa, masyarakat Melayu lampau boleh sahaja kekalkan penggunaan kata *bini* walaupun telah mengalami

pertembungan bahasa dengan bahasa Sanskrit, namun tidak dinafikan bahawa pengaruh bahasa Sanskrit pada ketika itu lebih kuat dan mempengaruhi segelintir penutur bahasa Melayu untuk menggunakan kata *isteri*. Menurut Ismail (1992), kehadiran masyarakat dari India yang menuturkan bahasa Sanskrit pada zaman dahulu terdiri daripada golongan agama bagi tujuan menyampaikan ajaran agama dan kepercayaan serta hubungan perdagangan. Misalnya, kata *syurga*, *neraka* dan *dosa* (Beg, 1982) merangkumi aspek agama. Agama Buddha telah bermula sejak abad ke-6 hingga pertengahan abad ke-11 Masihi, manakala agama Hindu tersebar pada abad ke-10 atau 11 hingga abad ke-14 Masihi (Nik Hassan Shuhaimi, 1984). Agama Hindu ialah agama anutan pertama masyarakat sebelum penerimaan Islam di Samudera dan Pasai (Winstedt, 1961).

Bahasa ini juga merupakan bahasa kebudayaan yang terpenting bagi masyarakat India. Bidang kesusasteraan klasik, ilmu pengetahuan, falsafah dan agama ditulis dalam bahasa Sanskrit. Walaupun bahasa ini tidak lagi difahami oleh masyarakat India, namun bahasa inilah yang menjadi pemacu kepada perkembangan kesusasteraan dan kebudayaan di India (Ismail, 1992). Penguasaan serta maklumat perkataan dalam bahasa Sanskrit perlu dipelajari oleh masyarakat Melayu kerana menjadi satu keperluan ketika dahulu. Berkemungkinan di awal pertembungan hanya berlaku peminjaman kata yang tidak wujud dalam bahasa Melayu seperti kata *bahasa* yang tiada padanan kemiripan makna dalam bahasa Melayu. Setelah itu, bentuk kata lain dalam bahasa Sanskrit dipinjam sehingga mewujudkan perkataan bersinonim walaupun perkataan lain daripada bahasa Sanskrit membawa makna yang sama telah sedia ada dalam bahasa Melayu seperti [*bayu-pawana*], [*suria-matahari*] dan [*jagat-dunia*] (Mohamad NorTaufiq & Aniswal, 2022). Persamaan dapat dilihat pada makna utama walaupun masih ada ruang perbezaan makna dalam bahasa asal dan pertambahan makna dalam bahasa sasaran.

Memang tidak dinafikan bahawa segelintir masyarakat Melayu yang memandang tinggi bahasa asing. Dengan mengambil contoh sikap pengguna bahasa, menurut Norizah (1990), pengguna bahasa Melayu sama ada Cina atau Melayu lebih cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam situasi rasmi. Norizah (1990) juga menyatakan penggunaan bahasa Inggeris juga dapat dipengaruhi oleh kursus yang diikuti oleh pelajar di universiti. Begitu jugalah hal yang berlaku kepada bahasa Melayu ketika pengaruh Sanskrit yang mula bertapak

kerana penggunaannya untuk agama dan perdagangan. Pengaruh bahasa dan penggunaan dalam kalangan penutur bahasa berbeza sangat kuat dan hal ini dapat dilihat menerusi era penjajahan Belanda yang menyebabkan peresapan kata *koffie*. Sebelumnya, bahasa Melayu telah ada perkataan *kahwa* yang dipinjam daripada bahasa Arab, namun peminjaman sekali lagi berlaku menerusi bahasa Belanda/Inggeris dengan bentuk kata yang lain tetapi masih menjurus kepada rujukan makna yang sama (Mohamad NorTaufiq, 2021).

Kajian berkaitan sinonim turut dikaji oleh Noor Eliza dan Shahrizal (2014) yang melakukan perbandingan dan mengkaji faktor kewujudan sinonim dalam bahasa Melayu dan Arab. Berdasarkan analisis perbandingan yang dilakukan, didapati bahawa peminjaman bahasa menjadi faktor penting bagi kedua-dua bahasa dalam melahirkan kata yang bersinonim. Kajian tersebut juga mendapati bahawa sinonim yang terbentuk dalam bahasa Arab adalah daripada dialek-dialek berbeza. Contohnya, kata *بثولا* dalam bahasa Himyar bermaksud 'duduk', manakala dalam dalam dialek Bani Kilab bermaksud 'melompat atau menerkam'. Noor Eliza dan Shahrizal (2014) turut menyatakan bahawa kewujudan sinonim adakalanya berlaku secara sengaja dan dirancang, dan berlaku secara tidak disedari. Pernyataan ini sebenarnya lebih terarah kepada pertembungan bahasa yang membawa kepada peminjaman. Memang tidak dinafikan bahawa pembentukan sinonim boleh berlaku secara sengaja menerusi pengaruh bahasa lain dan penggunaannya secara berterusan kerana persekitaran atau dikelilingi oleh penutur bahasa lain ketika menjalankan sebarang aktiviti.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Nurulhayati dan Che Ibrahim (2015) merupakan kajian yang mengenal pasti terjemahan teks *The Pearl* karangan John Steinbeck ke dalam bahasa Melayu oleh Abdullah Hussain berasaskan padanan kata, dan menganalisisnya secara semantik dengan menggunakan kaedah analisis teks. Nurulhayati dan Che Ibrahim mendapati bahawa terdapat beberapa konsep sinonim yang dikenal pasti dalam teks terjemahan tersebut, iaitu sinonim dalam struktur kata, konteks pentafsiran ayat, kaedah penterjemahan, dan kebudayaan bahasa sasaran. Nurulhayati dan Che Ibrahim telah membincangkan kata *motokar* yang lebih awal penggunaannya dalam bahasa Melayu, namun bentuk *kereta* telah digunakan selaras dengan perubahan zaman yang moden. Contoh ini menjelaskan bahawa perubahan zaman juga telah menggalakkan pewujudan kata

bersinonim melalaui penggantian yang diterima umum dan seterusnya mewujudkan kosa kata arkaik dalam bahasa Melayu.

Pewujudan kata sinonim boleh dilihat menerusi beberapa bentuk kata lagi yang terlahir dalam bahasa Melayu menerusi peminjaman seperti kata *saku* ← *saco* (bahasa Portugis) dan kata *kocek* (bahasa Melayu). Soalnya, adakah *kocek* merupakan bahasa Melayu Purba atau kewujudannya terkemudian selepas pengaruh Portugis? Jika diujuk kepada *Malay Concordance Project*, tidak ditemukan tentang maklumat penggunaan *kocek*. Oleh hal yang demikian, amat sukar untuk dijejak dan dibuktikan kewujudannya dalam bahasa Melayu, maka penelitian lanjut berkaitan perkataan *kocek* perlu dilakukan. Berdasarkan perbincangan dalam bahagian sorotan itu, ternyata masih ada ruang untuk kajian ini bergerak selangkah dengan melihat kepada kata pinjaman yang membentuk kata bersinonim. Tidak dinafikan bahawa telah wujud kajian kata bersinonim seperti yang dibuat oleh Nurulhayati dan Che Ibrahim (2015) dan Noor Eliza dan Shahrizal (2014), namun masih ada ruang perbezaan antara kajian ini dengan pengkaji lepas, iaitu kajian ini meneliti dari perspektif etimologi. Perlu untuk dibahasakan dalam kajian ini terutama berkaitan peminjaman kata daripada pelbagai rumpun bahasa menerusi pertembungan bahasa. Hal ini kerana, proses pertembungan bahasa telah membentuk kata seerti dalam bahasa Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kata pinjaman daripada bahasa asing yang kemasukannya ke dalam bahasa Melayu telah menumbuhkan kata bersinonim. Penelitian dari aspek kewujudan dan penggunaan kata juga ditelusuri dalam kajian ini bagi mengenal pasti penggunaan awal sesebuah kata yang dikaji, dengan kata lain, perkataan yang manakah terlebih dahulu muncul dalam bahasa Melayu? Penilaian ini secara tidak langsung dapat menjelaskan faktor berlakunya peminjaman. Penilaian bagi setiap data terpilih dibuat dari sudut etimologi.

METODOLOGI

Kerangka etimologi yang digagaskan oleh Collins (2003) diterapkan dalam kajian berbentuk kualitatif ini. Pedoman yang diperkenalkan

sebenarnya berfokus pada kaedah penilaian dan pemikiran tentang asal usul sesebuah kata. Walau bagaimanapun keteraturan yang dicadangkan dalam setiap pedoman perlu diubah suai mengikut kesesuaian kajian ini yang meneliti aspek kesinoniman kata menerusi peminjaman. Tambahan pula, penilaian dan perbandingan yang dibuat meliputi aspek etimologi perkataan. Oleh itu, kajian ini akan mengaplikasikan empat daripada enam pedoman yang digagaskan oleh Collins (2003). Enam pedoman etimologi adalah seperti yang berikut:

- (i) sebelum meneliti sesuatu etimologi, pastikan ketika kata itu muncul untuk pertama kalinya;
- (ii) sejarah dan geografi harus dipertimbangkan: kata-kata hanya dapat dipinjam melalui pertembungan bahasa;
- (iii) kesepadanan bunyi yang telah diketahui harus berlandaskan usaha etimologi;
- (iv) tekanan harus diberi pada kata lisan: sebutan dapat menjelaskan percanggahan teks dan menyoroti etimologi yang betul;
- (v) dialek-dialek daerah merupakan sumber penting dalam etimologi: sering kata-kata purba dikekalkan dalam sesuatu dialek; dan
- (vi) setiap unsur kata harus diterangkan: penjelasan sebahagian kata sahaja tidak meyakinkan.

Dalam pedoman pertama, kewujudan dan penggunaan kata pinjaman dalam bahasa Melayu perlu dijejaki menerusi penelitian ke atas catatan manuskrip Melayu lama (Collins, 2003). Penyelidikan yang dilakukan oleh ahli filologi dimanfaatkan dalam kajian etimologi, bagi tujuan mengenal pasti kewujudan dan penggunaan kata dalam bahasa Melayu (Mohamad NorTaufiq & Aniswal, 2022a). Selain itu, kefahaman dan huraian sejarah dan geografi juga diberi perhatian dalam menjejaki bentuk dan makna, serta pembuktian kewujudan sesebuah kata. Penelitian kepada sejarah dan geografi memberikan gambaran peristiwa tentang pertembungan bahasa yang berlaku antara bangsa Melayu dengan bangsa dalam rumpun bahasa lain. Selain itu, penelitian kepada bunyi dan bentuk perkataan turut dikaji. Pedoman ketiga ini menjelaskan kemiripan dan persamaan antara bentuk ejaan dengan bahasa asal yang kewujudannya dalam bahasa Melayu telah membentuk sinonim.

Pedoman keempat yang dicadangkan oleh Collins (2003) tidak diaplikasikan kerana memiliki perkaitan dengan pedoman ketiga.


Jika diteliti, bunyi-bunyi yang dikaji berdasarkan sebutan masyarakat memiliki pertindanan fokus antara pedoman ketiga dan keempat (Mohamad NorTaufiq & Aniswal, 2022a). Kajian ini melibatkan pengkajian kepada kata pinjaman dan perkataan Melayu yang sedia wujud dalam bahasa Melayu, maka pedoman yang kelima, iaitu penelitian kepada dialek daerah dan kata purba dalam bahasa Melayu dikenal pasti. Sebagai contoh, kata *pepatung* digunakan dalam kebanyakan dialek, tetapi dalam dialek Perak dipanggil *cakcibau* (Abdulah, 1982). Contoh ini menjelaskan bahawa wujud kesinoniman antara kata dalam dua dialek yang berbeza. Dalam proses analisis, kajian berkaitan kognat kata juga dimanfaatkan. Hal ini selari dengan Mohamad NorTaufiq dan Aniswal (2022) bahawa kajian berkaitan leksikostatistik dan glotokronologi perlu memiliki pertalian dengan etimologi.

Dalam pedoman keenam, rumusan dan unsur penting yang ditekankan oleh Collins ialah berkenaan perincian yang perlu dibuat terhadap setiap bunyi dan makna kata. Selain itu, penjelasan ini juga akan dikaitkan dengan catatan lain seperti kajian dan kamus tentang asal usul sesebuah kata. Kajian ini bertitik tolak daripada penelitian ke atas data kata pinjaman seperti *taufan*, *wabak*, dan *bayu* dalam kajian sebelumnya yang dilakukan oleh Mohamad NorTaufiq (2022), Mohamad NorTaufiq et al. (2022), dan Mohamad NorTaufiq dan Aniswal (2022). Oleh yang demikian, sebanyak enam data terpilih diambil untuk dianalisis, iaitu kata '*wabak*', '*bantu*', '*taufan*', '*wang*', dan '*bayu*'. Perkataan yang dipilih juga merupakan perkataan semasa dan masih difahami oleh pengguna bahasa.

Pemilihan data dibuat berdasarkan unsur sinonim antara kata yang terbentuk dan telah dikenal pasti bahawa perkataan yang dipilih merupakan perkataan pinjaman daripada pelbagai rumpun bahasa. Di samping itu, terdapat data terpilih yang dinilai berdasarkan ciri kemiripan. Padanan setiap perkataan yang bersinonim juga akan dikenal pasti menerusi catatan maklumat yang terkandung dalam *Pusat Rujukan Persuratan Melayu* dan dikaji dari sudut etimologi yang merangkumi aspek pertembungan bahasa, bentuk, makna, dan kewujudan dan penggunaan sesebuah kata dalam bahasa Melayu. Bagi mempertalikan dengan objektif kajian ini, maka beberapa penambahan maklumat perlu dilakukan dalam bahagian rajah rumusan etimologi. Oleh itu, pedoman yang diaplikasikan dalam kajian ini diringkaskan seperti dalam rajah yang berikut:

Rajah 1

Elemen etimologi oleh Collins (2003) yang dirumuskan oleh Mohamad NorTaufiq (2022) dalam meneliti kata bersinonim bahasa Melayu



PERBINCANGAN

Kesinoniman Kata Wang dan Duit

Penelitian bermula dengan pernyataan Choi Kim Yok dan Chong Siew Ling (2008) yang mendapati ramai responden bahasa tidak sedar tentang bentuk pinjaman seperti kata *wang* dikatakan daripada bentuk *yuan* setelah dipelatkan oleh masyarakat setempat membentuk kata *wang* dalam bahasa Melayu (*wang* ← *yuan* 元). Maklumat berkaitan asal usul kata ini tidak dapat dijejak menerusi Wilkinson (1901, 1902). Hal ini bermaksud *wang* yang memiliki kemiripan bentuk dengan kata *yuan* sebenarnya mungkin dipinjam daripada bahasa Cina. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) mencatatkan *wang* bermaksud 'alat pertukaran yang mempunyai harga (nilai) tertentu dan diakui sah, duit'. Perbincangan oleh Choi Kim Yok dan Chong Siew Ling cuba mengaitkan unsur kemiripan antara bentuk kata dengan makna. Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa aspek sejarah dan geografi ditelusuri kerana Alam Melayu dan China turut menjalankan kegiatan ekonomi sejak berzaman.

Di samping itu, dalam bahasa Melayu juga wujud kata *duit* dan penggunaannya juga masih kekal dan difahami oleh ramai pengguna

bahasa. Persoalannya, adakah kemunculan kata *duit* ini lebih awal berbanding kata *wang*? *Duit* berdasarkan *Pusat Rujukan Persuratan Melayu* merujuk kepada ‘wang; kepingan logam (daripada emas, tembaga dan lain-lain) yang dicap menjadi syiling, atau kertas yang dicap dengan nilainya sekali yang diterima atau diberikan ketika menjual atau membeli sesuatu’. Dua bentuk kata yang berbeza dari segi rumpun bahasa telah mewujudkan kata sinonim [wang-duit] dan kedua-duanya tidak menerbitkan perbezaan dari sudut makna. Wilkinson (1901, 1902) mencatatkan kata *duwit* (ejaan Wilkinson) merupakan bentuk yang dipinjam daripada bahasa Belanda, *duit* yang bermaksud ‘*a cent; a doit; money in general*’, manakala *wang* tidak dicatatkan asal usul kata.

Catatan Wilkinson (1901, 1902) memberikan jawapan bahawa berkemungkinan kata *duit* digunakan kemudian berbanding *wang* kerana pengaruh Belanda bermula pada abad ke-18. Walau bagaimanapun, andaian ini tidak semestinya tepat kerana ada kemungkinan juga *wang* wujud kemudian dalam bahasa Melayu kerana kemasukan perkataan adalah berperingkat. Buktinya, kata *wang* juga telah ditemukan penggunaannya menerusi *Malay Concordance Project* dalam *Hikayat Amir Hamzah* dalam ayat “Ahmz... ikat pinggang karun itu ada seratus dinar emas; *wang* itu diberikan oleh Amir Hamzah kepada gembala...” Sekitar abad-15 atau awal abad ke-16. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa kewujudan kata *wang* lebih awal dalam bahasa Melayu, tetapi pengaruh Belanda yang kuat pada waktu tersebut juga menyebabkan penggunaan kata *duit* dipinjam dan digunakan selari dengan penggunaan kata *wang*. Pengkajian lanjut berkaitan kedua-dua asal usul kata ini boleh dinilai melalui beberapa kamus dan penelitian ke atas manuskrip Melayu yang lebih lama.

Kesinoniman Kata Bayu, Angin dan Pawana

Kata *bayu* yang digunakan dalam bahasa Melayu merupakan kata pinjaman. *An Unabridged Malay-English Dictionary* (1959) *Kamus Dewan Perdana* (2020) dan Singam (1957) mencatatkan kata *vayu* (ejaan Winstedt) merupakan sebuah kata pinjaman Sanskrit yang bermaksud ‘angin’ dan ‘angin yang bertiup perlahan-lahan dan lembut’. Berbeza pula dengan Notosudirjo (1981) yang mencatatkan *bayu* dalam bahasa Indonesia bermaksud ‘nama dewa angin, dan juga merujuk kepada angin’. Sebenarnya wujud pelbagai makna berkaitan

perkataan ini seperti yang tercatat dalam *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*, *vayu* वायु memiliki banyak maksud, antaranya ‘gas; udara; angin’. Penelitian ini menjelaskan bahawa rujukan ‘angin’ merupakan makna teras bagi perkataan *bayu*.

Makna lain turut dikenal pasti dalam dalam *Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit* merujuk kepada ‘god of the wind dan wind as a kind of demon producing madness’ yang bermaksud ‘tuhan angin dan angin ialah sejenis syaitan yang menyebabkan kegilaan’. Hal ini memberikan gambaran bahawa masyarakat India percaya angin itu merupakan tuhan, dan apabila perkataan itu masuk ke dalam bahasa Melayu, wujud dua makna, iaitu ‘dewa’ dan ‘angin’. Maklumat *vayu* yang merujuk kepada aspek ketuhanan dapat diteliti menerusi mantera pujian ke atas anak dewa *vayu* mengikut kepercayaan masyarakat Hindu, iaitu “vāyā ukthebhir jarante tvāmacchā jaritārāḥ| Sūtasōmā aḥar vidāḥ||2||” (sumber: nombor rujukan: Rigveda 1-001). Dalam mantera tersebut, *vāyā* ← *vayu* (merujuk kepada tuhan angin); *vāyo* - oh God of the wind. Berbeza dengan kefahaman masyarakat Melayu, *bayu* yang sering disebutkan itu tidak seperti makna yang difahami masyarakat Hindu. Hal ini menjelaskan bahawa perkataan yang sama merujuk kepada kefahaman makna yang berbeza.

Bentuk kata lain yang bersinonim dengan kata *bayu* dapat dilihat menerusi kata *angin* yang digunakan secara meluas dalam bahasa Melayu berbanding bentuk *pawana*. *Pawana* berdasarkan *An Unabridged Malay-English Dictionary* (1959), Singam (1957) dan *Kamus Dewan Perdana* (2020) merujuk kepada ‘angin, bayu’. Kedua-dua bentuk kata memiliki persamaan dan perbezaan makna, iaitu *bayu* dan *pawana* daripada perkataan Sanskrit dan merujuk kepada ‘angin’, tetapi kata *bayu* juga merujuk kepada Tuhan. Berbeza pula dengan *angin* yang telah tersebuti dalam penutur bahasa yang bermaksud ‘udara yang bergerak; udara yang dimampatkan (seperti yang diisikan ke dalam tayar kereta)’. Asal usul kata ini tidak tertulis dalam kamus yang dijadikan rujukan dalam kajian ini. Oleh hal yang demikian, persoalan yang sama yang perlu dijawab, iaitu antara ketiga-tiga bentuk kata tersebut, yang manakah bentuk kata asli dalam bahasa Melayu dan bentuk kata yang manakah kehadirannya mewujudkan kesinoniman?

Kata *bayu* dan *angin* telah dijejak penggunaannya menerusi *Malay Concordance Project* dalam *Hikayat Seri Rama*, iaitu “Rama 298:12

...Dewata mulia raya maka bertiup *angin* bernama *bayu* bata ...' yang dianggarkan sekitar abad ke-16 Masihi. Tambahan pula, Mohamad Rozi (2021) dalam kajiannya menandakan kata *angin* sebagai bentuk kata Melayu Purba yang berkognat dengan bahasa Jakun. Walau bagaimanapun, maklumat kata *pawana* tidak dapat dijejak kewujudan dan penggunaannya dalam manuskrip Melayu lama dan tidak dinafikan juga pada hari ini kata *pawana* tidak begitu menonjol penggunaannya dalam komunikasi harian kecuali dalam teks sastra. Oleh itu, catatan ini dapat dijadikan bukti bahawa kewujudan kata *angin* dalam bahasa Melayu mungkin lebih awal atau sekitar penggunaannya kata *bayu* dan *pawana*. Kesimpulannya, tidak dinafikan bahawa kewujudan kata *bayu* yang membawa unsur ketuhanan disebabkan oleh pegangan masyarakat di Alam Melayu sebelum ini yang menganut agama Hindu menerusi konsep banyak Tuhan pada abad ke-7 hingga abad ke-13. Hal ini berbeza pula dengan Islam yang berkonsepkan kepercayaan kepada Tuhan yang satu (Ayu Nor Azilah, 2016).

Kesinoniman Kata Bantu dan Tolong

Menarik untuk dibincangkan bagi bentuk kata dan makna *bantu* kerana pengkaji menyedari bahawa perkataan ini memiliki kemiripan kata *bāngzhù* 帮助 (*Mandarin Chinese Dictionary*, 2017) dalam bahasa Cina. Kata *bantu* dalam bahasa Melayu merujuk kepada 'membantu atau memperoleh pertolongan' (*Pusat Rujukan Persuratan Melayu*). Terdapat beberapa bentuk lain dalam bahasa Cina seperti *bāngmang* 'to help' dan *bāng dao mang* 'to try to help but causes more trouble in the process'. Kedua-dua bentuk dalam bahasa Cina ini memperlihatkan bahawa *bang* memiliki kemiripan dengan suku kata awal bahasa Melayu, iaitu *ban*, dan *zhù* dengan *tu*. Maklumat berkaitan asal usul kata ini tidak dapat diteroka menerusi *Kamus Dewan Perdana* (2020), Wilkinson (1901, 1902) dan pengkajian beberapa pengkaji lain seperti Soo Yew Phong (2014), Choi Kim Yok dan Chong Siew Ling (2008) Zaharani (2004), dan Kong Yuan Zhi (1993). Persoalannya, adakah kemiripan bentuk dan persamaan makna benar-benar berlaku menerusi peminjaman atau sebaliknya?

Sebenarnya, tidak mustahil telah berlaku peminjaman kata kerana pertembungan bahasa antara Melayu dan China telah berlangsung sejak abad ke-13 lagi (Ishak, 2009) tidak kira sama ada dari jaringan persahabatan mahupun tujuan ekonomi seperti kehadiran Laksamana Zheng He atau Cheng Ho pada era Dinasti Ming di Melaka bagi

tujuan diplomatik pada abad ke-15. Sebelum itu, I-Ching merupakan seorang Rahib Buddha dari China berlayar ke Srivijaya di Sumatera pada 671 AD (Wheatley, 1961) dan kemudiannya dihantar ke Chieh Cha (Kedah) (Zuliskandar Ramli dan Nik Hassan Shuhaimi, 2012). Perihal dari sudut sejarah yang terarah kepada pertembungan bahasa memberi jawapan kepada kemiripan kata yang terbentuk antara dua rumpun bahasa berbeza, iaitu Austronesia dan Sino-Tibet.

Berbalik kepada unsur kesinoniman kata, kata *bantu* dalam bahasa Melayu memiliki makna yang sama dengan kata *tolong* dalam bahasa Melayu. Kedua-dua bentuk ini masih meluas digunakan oleh penutur bahasa dan masih difahami. Kemiripan kata *tolong* dapat dijejak menerusi bahasa Filipina ‘*tulong*’ (sumber: <https://www.tagalog.com/dictionary>) yang merupakan salah satu bahasa dalam rumpun Austronesia. Kewujudan kata dalam rumpun bahasa yang sama menggambarkan bahawa kemungkinan besar *tolong* merupakan kata asli bahasa Melayu dan telah wujud sejak sekian lama sebelum kata *bantu*. Berdasarkan *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, *tolong* membawa maksud ‘minta bantuan atau sokongan; tolong-menolong, saling bantu-membantu’. Beralih pula kepada kewujudan dan penggunaan kedua-dua perkataan ini telah ditemukan dalam Hikayat *Hikayat Bayan Budiman* antara abad ke-14 hingga abad ke-16 “Bayan 258: 7... itu dan peri ia bertemu tuan syekh itu dan peri ia membantu raja jin Afrit berperang dengan Raja Arkas” dan “Bayan 272: 15... Ya Setiawan! Insy Allah ta’ala, jikalau dengan *tolong* Tuhan Rabbul-‘alamin...”.

Kesimpulannya, pewujudan bentuk sinonim antara dua kata ini telah lama muncul dan digunakan dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kemunculan yang lebih awal antara dua kata yang dianalisis ini boleh dikaji lagi menerusi manuskrip Melayu lama kerana melaluinya penerokaan berkaitan kewujudan dan pembentukan sinonim ini dapat ditelusuri dengan lebih mendalam.

Kesinoniman Kata Wabak dan Pandemik

Kamus Dewan Perdana (2020) telah mencatatkan kata *wabak* merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab, *wabā’* وَبَاء (Steingass, 1884) yang bermaksud ‘1. kejadian penyakit berjangkit yang merebak dengan cepat yang boleh menyebabkan kematian; 2. kejadian buruk seperti penagihan dadah atau jenayah yang merebak ke merata

tempat'. Bentuk kata *wabā'* telah disesuaikan dengan sebutan bahasa Melayu menerusi penambahan konsonan /k/ di akhir suku kata membentuk kata *wabak*. Dalam bahasa Parsi juga wujud kata *waba'* yang bermaksud 'dijangkiti wabak (sebuah negara); sebarang penyakit wabak' (Steingass, 1981). Wilkinson (1901) menandakan bahawa perkataan ini bermaksud '*plague; pestilence*'. Lebih lama daripada catatan Wilkinson, perkataan ini sekali lagi dapat dijejak menerusi *Hikayat Iskandar Zulkarnain* sekitar abad ke-17, 'Isk 216:22 ... mereka itu. Maka diturunkan atas mereka itu *wabak*, mati mereka itu melainkan yang dikehendaki Allah daripada ...'.

Hal ini demikian kerana pengaruh Arab tersebar selepas perkembangan Islam di Nusantara sekitar abad ke-7 dan ke-8 Masihi (Nathesan, 2015). Berbalik kepada sejarah kemunculan wabak, semasa zaman Nabi Muhammad SAW, iaitu pada 627 Masihi, telah berlaku penularan 'wabak taun' dan penyakit ini juga telah direkodkan dalam sejarah Islam (Lukman et al., 2020). Walaupun wabak taun telah menular sejak tahun 627 Masihi, tetapi tidak bermakna perkataan *wabak* masuk ke dalam bahasa Melayu pada abad tersebut. Namun begitu, maklumat ini memberikan gambaran tentang *wabak* sebagai bentuk yang dipinjam daripada bahasa Arab. Walau bagaimanapun, bagi mendapatkan maklumat penggunaan perkataan yang lebih awal, maka manuskrip Melayu yang lebih lama boleh ditelusuri dengan lebih lanjut. Berdasarkan analisis ini, jalur etimologi kata *wabak* dalam bahasa Melayu adalah seperti yang berikut.

Jadual 1

Jalur etimologi kata "wabak" dalam bahasa Melayu

Kata *wabak* (bahasa Melayu) 'penyakit berjangkit yang merebak dengan cepat yang boleh menyebabkan kematian; kejadian buruk seperti penagihan dadah atau jenayah yang merebak ke merata tempat' (sekitar abad ke-17 dalam Isk) ← *wabā'* (bahasa Arab) 'penyakit menular; epidemik'.

Walaupun bagaimanapun, dalam era Covid-19 yang bermula pada penghujung tahun 2019, perkataan yang sering digunakan oleh ramai pihak ialah kata *pandemik* dan perkataan ini boleh dikatakan bersinonim dengan kata *wabak* yang sedia wujud dan digunakan dalam bahasa Melayu. Kata *pandemik* yang boleh pengkaji katakan mungkin baharu dan penggunaannya meluas pada masa kini. *Kamus*

Dewan Edisi Keempat (2015) mencatatkan *pandemik* bermaksud ‘wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas, sama ada hingga ke seluruh wilayah, benua atau dunia’, atau dalam bahasa Inggeris bermaksud ‘1. *pertaining to or affecting all the people*; 2. *widely epidemic*’ (Funk & Wagnalls, 1962). Tafsiran makna *wabak* menerusi *Kamus Dewan Perdana* tidak dinyatakan akan pembatasan kawasan dan ini berbeza dengan *pandemik* yang meliputi kawasan yang lebih luas.

Walau bagaimanapun, kata *wabak* juga digunakan bagi merujuk kepada penyakit yang sama dan penyebarannya merentasi sempadan negeri dan negara. Dalam bahasa Arab, kata *wabā’* membawa maksud ‘penyakit berjangkit; epidemik; taun’. Maksud *wabak* memiliki kemiripan dengan *endemik* membawa maksud ‘penyakit pada orang yang sentiasa wujud di sesuatu tempat’. Berbanding *wabak*, *pandemik* lebih baharu dalam bahasa Melayu. Buktinya, *pandemik* tidak ditemukan catatan bentuk dan makna menerusi kamus Wilkinson (1901, 1902), malah penggunaannya juga tidak dapat dijejak dalam *Malay Concordance Project*. Masih wujud perbezaan dari sudut makna antara dua kata yang dianggap bersinonim ini. *Wabak* juga merujuk kepada ‘masalah sosial’ (*Kamus Dewan Perdana*, 2020). Rujukan ‘masalah sosial’ dapat dilihat menerusi contoh ayat yang diambil daripada korpus *Dewan Bahasa dan Pustaka*, iaitu “seks menjadi mainan halal tanpa mengira gejala sosial yang bakal menjadi *wabak* pada masa hadapan”. Berdasarkan ayat tersebut, dapat difahami bahawa kata *wabak* juga digunakan dalam konteks yang lain selain penyakit berjangkit yang merangkumi kesihatan badan.

Kesinoniman Kata Kerana dan Sebab

Pertandaan kedua-dua bentuk kata, iaitu *sebab* dan *kerana* sebagai kata bersinonim dapat dirujuk menerusi *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*. Sebenarnya etimologi kata *kerana* ini telah dibincangkan oleh Mohamad NorTaufiq dan Aniswal (2022), namun kata ini sekali lagi dibincangkan dari sudut kesinoniman. Kata *kerana* berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) membawa pengertian ‘kata hubung yang menerangkan punca atau sebab berlakunya sesuatu keadaan’. *Kamus Dewan Perdana* (2020) dan *A Malay English Dictionary* (1901) mencatatkan *karna* (ejaan Singam) atau *kerana* merupakan kata pinjaman Sanskrit yang bermaksud ‘*because*’ atau ‘sebab’. Dalam bahasa Sanskrit, *kāraṇa* कारण bermaksud ‘sebab,

aktiviti, berlaku, bijak’ (*Sanskrit Dictionary for Spoken Sanskrit*). Kata *kāraṇa* dalam bahasa Sanskrit mengalami perubahan bentuk kata, iaitu berlaku perubahan vokal /a/ kepada /e/ membentuk *kerana*.

Bentuk kata ini juga ada dalam beberapa bahasa lain seperti Hindi, *kāraṇa* कारण dan Tamil, *kāraṇam* காரணம். Walaupun wujud kemiripan dalam bahasa Hindi dan Tamil, namun sebutan kata *kāraṇa* (bahasa Sanskrit) lebih mirip dengan bahasa Melayu. Kata *kerana* telah ditemukan dalam penulisan *Surat Sultan Ternate kepada Raja Portugal* yang dianggarkan bertarikh pada 1521 M dalam bentuk ejaan Jawi كران (Hashim, 2003). Kata *kerana* dalam bahasa Melayu sekali lagi dapat dijejak dalam *Malay Corcordance Project* menerusi *Hikayat Bayan Budiman* antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17, iaitu “Bayan 217:22 ... buah hatiku dan cahaya mataku, apakah bicaramu, *karena* ada penyuruh anak Perdana Menteri itu namanya Siti Jariah ...”. Etimologi awal bagi kata *kerana* dalam bahasa Melayu dapat diperlihatkan seperti jadual di bawah.

Jadual 2

Etimologi awal kata “kerana” dalam bahasa Melayu

kerana bermaksud ‘kata hubung yang menerangkan punca atau sebab berlakunya sesuatu keadaan’. Penggunaannya dalam *Surat Sultan Ternate* (sekitar 1521 Masihi) dan *Bayan Budiman* (antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17) bahasa Melayu ← *karena* (1901) ← *kāraṇa* bermaksud ‘sebab, aktiviti, berlaku, bijak’ (makna yang luas)

Telah diketahui bahawa *kerana* merupakan kata pinjaman. Berdasarkan *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, *sebab* bermaksud ‘apa-apa yang mengakibatkan sesuatu; kerana; lantaran’. Wilkinson (1901) mencatatkan kata *sebab* merupakan kata yang dipinjam daripada bahasa Arab, daripada bentuk سبب *sebab*. Dapat dikatakan kedua-dua bentuk ini merupakan kata yang dipinjam. Oleh itu, satu persoalan yang perlu difikirkan, yang manakah terlebih dahulu wujud dan digunakan dalam bahasa Melayu? Kata *sebab* telah digunakan dalam bahasa Melayu antara abad ke-14 hingga awal abad ke-17 yang ditemukan penggunaannya dalam *Hikayat Bayan Budiman*, contohnya “Bayan 223: 20... hal hamba ini hendak dibunuh oleh raja daripada *sebab* dosa hamba bermain dengan ...”. Kesimpulannya, analisis ini menjelaskan bahawa kewujudan kedua-dua bentuk kata

pinjaman dalam bahasa Melayu mewujudkan kata bersinonim. Dari sudut masa, kedua-dua kata ini telah digunakan sejak abad ke-14 lagi dan berkemungkinan kata *kerana* terlebih dahulu digunakan dalam bahasa Melayu kerana pengaruh Sanskrit di Alam Melayu lebih awal berbanding penyerapan *sebab* menerusi pengaruh Arab ke atas masyarakat Melayu.

Kesinoniman Kata Taufan, Ribut dan Badai

Kata *taufan* sebenarnya telah wujud dalam bahasa Arab kira-kira pada abad ketujuh. Dalam al-Quran, surah al-A'raf ayat 133, kata الطوفان *At-thuufaana* merujuk kepada *taufan* dan dalam surah al-Ankabut ayat 14 juga menyebut kata الطوفان *At-Tuufaanu* bermaksud 'deluge' yang merujuk kepada *taufan*. Kata *taufan* dalam bahasa Arab tersebar ke dalam bahasa Parsi, Turki dan bahasa di kawasan timur yang lain (Liberman, 2009). Berikut dipamerkan *typhon* dalam *Online Etymology Dictionary*.

Jadual 3

Etimologi kata "typhon" dalam bahasa Inggeris

Typhon "violent storm, whirlwind, tornado," 1550s, from Greek *typhon* "whirlwind," personified as a giant, father of the winds, probably [Beekes] from or related to *typhein* «to smoke» (see typhus), but according to Watkins from PIE **dheub-* "deep, hollow," via notion of "monster from the depths." The meaning "cyclone, violent hurricane of India or the China Seas" is first recorded 1588 in Thomas Hickock's translation of an account in Italian of a voyage to the East Indies by Caesar Frederick, a merchant of Venice. The Arabic word sometimes is said to be from Greek *typhon*, but other sources consider it purely Semitic, though the Greek word might have influenced the form of the word in English. Al-tufan occurs several times in the Koran for "a flood or storm" and also for Noah's Flood. Chinese (Cantonese) tai fung "a great wind" also might have influenced the form or sense of the word in English, and that term and the Indian one may have had some mutual influence; toofan still means "big storm" in India.

Berdasarkan Jadual 3, kata *taufan* berkemungkinan berasal daripada bahasa Arab atau berasal daripada kata *typhon* dalam bahasa Yunani. Terdapat sumber lain yang menganggap bahawa kata *taufan* berasal daripada keluarga Semitik. *Tufan* yang tertulis dalam al-Quran

merujuk kepada banjir atau ribut dan juga banjir besar semasa zaman Nabi Nuh as. *Taufan* yang digunakan dalam bahasa Melayu berkemungkinan berasal atau dipinjam daripada *tai-fung* bahasa Cina. Kata *taufan* (bahasa Melayu), *typhon* (bahasa Greek) dan kata *typho* (bahasa Itali) mempunyai kemiripan dari segi bentuk. Timbul persoalan berkaitan asal usul kata *taufan* sama ada berasal daripada bahasa Cina atau Greek.

Penelitian terhadap kejadian alam perlu dikaji semula, sama ada kejadian taufan berlaku di kawasan Eropah atau Asia. Kata *taufan* wujud hasil pembinaan kata daripada masyarakat setempat disebabkan bencana yang berlaku di kawasan mereka. Bentuk dan bunyi-bunyi yang wujud dalam bahasa tersebut perlu dikaji seperti bahasa Cina memiliki banyak suku kata ‘pan’ atau ‘fan’. Dalam bahasa Cina (Kantonis), *tai fung* yang membawa pengertian ‘angin besar’ mungkin juga telah dipengaruhi oleh bentuk bahasa Inggeris. Begitu juga bahasa Hindi yang menerima pengaruh daripada bahasa Inggeris atau Parsi dengan sebutan *toofan* yang merujuk kepada badai besar di India dan *tai-fun* (bahasa Thailand) dipengaruhi oleh bahasa Kantonis, *taifung*. Walau bagaimanapun telah diketahui bahawa *taufan* dalam bahasa Melayu merupakan kata pinjaman yang mungkin daripada bahasa Arab atau Cina.

Pewujudan kesinoniman bagi kata *taufan* dapat dilihat menerusi beberapa bentuk kata yang lain dalam bahasa Melayu, iaitu *ribut* dan *badai*. Persoalan yang sama harus dibangkitkan, iaitu adakah *ribut* dan *badai* merupakan perkataan asli dalam bahasa Melayu? *Pusat Rujukan Persuratan Melayu* mentakrifkan *ribut* bermaksud ‘angin yang bertiup kencang; ribut’, manakala *badai* pula membawa maksud ‘angin ribut yang kuat dan datang secara tiba-tiba’. Penelitian dari sudut makna menunjukkan ketiga-tiga bentuk kata menjelaskan makna yang sama. Kata *taufan* dalam bahasa Melayu dapat dijejak penggunaannya dalam *Surat Sultan Aceh kepada Queen Elizabeth* yang ditulis dalam bentuk tulisan Arab, bertarikh 1602 Masihi (Hashim, 2003). Berbeza pula dengan *ribut* yang dapat dijejak menerusi *Hikayat Amir Hamzah* sekitar abad-15 atau awal abad ke-16. “Ahmz 274:3 ...wa taala tatkala kami tengah di laut turunlah *ribut*, maka kapal itu pun...”. Penjejakan kemunculan dan penggunaan kata *badai* tidak dapat diteroka menerusi manuskrip Melayu. Maklumat ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa peminjaman

kata mungkin berlaku dari arah berbeza yang bermaksud pengaruh sesebuah kata bermula dalam kalangan penutur masyarakat yang menduduki kawasan yang berbeza.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kesinoniman antara kata ini telah terjadi sejak sekian lama. Bukti dari sudut kemunculan perkataan dikenal pasti dan menunjukkan bahawa penggunaan sesebuah kata didorong oleh pengaruh bahasa menerusi pertembungan. Tambahan pula, peminjaman pada waktu dahulu juga menjadi satu keperluan untuk berkomunikasi bagi kegiatan tertentu. Analisis ini mendapati bahawa sebelum ini bahasa Melayu telah memiliki kosa kata tersendiri seperti *tolong* dan *angin*, dan kewujudan serta penggunaan perkataan tersebut adalah lebih awal sebelum kemasukan kata pinjaman. Hal ini sekali gus memberi gambaran pada awalnya bahasa Melayu telah mempunyai kata asli dan kesinoniman wujud setelah proses peminjaman daripada bahasa asing. Pewujudan kata sama erti juga boleh dilihat dari dua sudut, iaitu penggunaan kata pinjaman mewujudkan kepelbagaian bentuk dan makna dan pengguna bahasa dapat memilih agar penggunaan sesebuah kata bersesuaian dengan konteks. Yang kedua penggunaan kata hasil peminjaman juga akan menghasilkan kata-kata arkaik atau kata yang tidak lazim digunakan dalam bahasa Melayu seperti kata *mega* yang bersinonim dengan *awan*.

Kesimpulannya, pewujudan sinonim secara sengaja adalah disebabkan satu keperluan dalam memudahkan komunikasi dan melancarkan aktiviti yang terjadi melalui peminjaman. Namun, perkataan-perkataan itu mulai tersebar dalam penduduk sekitar dan seterusnya seluruh Alam Melayu. Perkataan yang baharu dan mudah difahami ketika berkomunikasi telah membuatkan penutur bahasa Melayu menggunakan perkataan tersebut sesuai dengan lawan tutur. Kata *wang* yang dipinjam daripada bahasa Cina, manakala *duit* dipinjam daripada bahasa Belanda memiliki makna yang sama, tetapi berbeza dari akar dan rumpun bahasa. Hal ini bermaksud, peminjaman yang mendorong penggunaan berterusan disebabkan oleh persekitaran penutur bahasa yang dikelilingi oleh pengguna bahasa berbeza sehingga membuatkan sesebuah kata itu lama-kelamaan tersebati dalam kosa kata bahasa Melayu. Tuntasnya, kajian lanjut berkaitan kata bersinonim boleh dilakukan terhadap perkataan Melayu asli. Di samping itu, kajian ini

juga mengemukakan pengkaedahan dalam mengenal pasti perkataan Melayu asli dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa perkataan Melayu yang bersinonim dari sudut etimologi.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh kesemua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1982). *Linguistik am untuk guru bahasa Malaysia*. Fajar Bakti.
- Amat Juhari Moain. (1993). Pengayaan bahasa melalui proses peminjaman dan penyerapan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 37(8), 717-724.

- Asmah Omar. (1978). *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa*. Universiti Malaya.
- Ayu Nor Azilah binti Mohamad. (2016). "Kepercayaan kepada Tuhan": Satu sorotan dalam kepelbagaian agama di Malaysia. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*, 2016, 124-136.
- Beg, M. A. (1982). *Persian and Turkish loan words in Malay*. University of Malay Press.
- Campbell, L. (2013). *Historical linguistics: An introduction*. (ed. ke-3). Edinburgh University Press.
- Choi Kim Yok & Chong Siew Ling. (2008). Campur aduk bahasa Melayu dan bahasa Cina: Satu kajian pengalihan kod dan meminjaman. *Journal of Modern Language*, 18(1), 56-66.
- Collins, J. T. (2003). *Mukadimah ilmu etimologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Deshpande, M. M. (2007). *Saṃskrtasubodhinī. A Sanskrit Primer*. Centers for South and Southeast Asian Studies. University of Michigan.
- Hashim Musa. (2003). *Epigrafi Melayu: Sejarah sistem tulisan dalam bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heah Lee Hsia, C. (1989). *The influence of English on the lexical expansion of bahasa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. (1992). *Sejarah pertumbuhan bahasa kebangsaan kita*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kong Yuan Zhi. (1993). Kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu (Bahagian Pertama). *Jurnal Dewan Bahasa*, 8, 676-702.
- Liberman, A. (2009). *Word origins...and how we know them: Etymology for everyone*. Oxford University Press.
- Lukman Abd Mutalib, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Abdul Manan Ismail, Mohd Soberi Awang, Setiawan Gunardi, Siti Fatimah Salleh, & Muhammad Hazim Ahmad. (2020). Sorotan sejarah penyakit berjangkit (wabak) sebagai asas pembinaan fiqh pandemik: Kajian maqasidiah. The 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law 2020, (INPAC 2020), 221-240.
- Mohamad NorTaufiq Nor Hashim. (2021). *Menjejaki kata pinjaman dalam bahasa Melayu*. Dewan Bahasa. <https://dewanbahasa>.

- jendeladbp.my/2021/06/07/menjejaki-kata-pinjaman-dalam-bahasa-melayu/
- Mohamad NorTaufiq Nor Hashim. (2022). *Kajian asal usul dan makna perkataan terpilih bahasa Melayu daripada bahasa Sanskrit dan Parsi*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad NorTaufiq Nor Hashim & Aniswal Abd Ghani. (2022). Penentuan kognat kata antara bahasa: Penilaian dari sudut etimologi. *Jurnal Linguistik*, 26(2), 10-25.
- Mohamad NorTaufiq Nor Hashim & Aniswal Abd Ghani. (2022a). Asal usul perkataan dalam bahasa Melayu dari sudut etimologi . *Issues in Language Studies*, 11(1), 1-19.
- Mohamad NorTaufiq Nor Hashim, Ren Hanyu, Lu Shiqing & Aniswal Abd Ghani. (2022). Etimologi kata wabak dalam era Covid-19. Prosiding Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK).
- Mohamad Rozi Kasim. (2021). Hubungan kekerabatan antara bahasa jakun dengan bahasa Melayu purba: Satu analisis perbandingan kosa kata dasar. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 41–66.
- Nathesan, S. (2015). *Etimologi bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Hassan. (1984). Art, archaeology and the early kingdoms in the Malay peninsula and Sumatra: c 400-1400 A.D. Tesis PhD. University of London.
- Noor Eliza Abdul Rahman & Mohd Shahrizal Nasir. (2014). Faktor kewujudan sinonim dalambahasa Melayu dan Arab : Satu analisis perbandingan. *Jurnal Melayu*, 12(1), 61-69.
- Noriah Mohamed & Selvarani A/p Subramaniam. (2015). *Kata pinjaman bahasa Tamil dalam bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norizah Ardi. (1990). Sikap bahasa: Satu tinjauan ringkas. *Dewan Bahasa*. (4): 270-278.
- Notosudirjo. (1981). *Etimologi pengetahuan bahasa Indonesia*. Mutiara Jakarta.
- Nurulhayati Zulfadinamis & Che Ibrahim Salleh. (2015). Konsep sinonim dalam teks terjemahan novel “The Pearl” ke dalam bahasa Melayu oleh Abdullah Hussain. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 80-95.
- Online Etymology Dictionary*. (2017). Diperoleh pada 4 Februari 2021 daripada <https://www.etymonline.com>.
- Pocked Mandarin Chinese Dictionary*. (2017). Periplus Editions (HK) Ltd.

- Pusat Rujukan Persuratan Melayu* (2017). Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://prpm.dbp.gov.my/>.
- Singam, D. R. (1957). *What the Malay language owes to Sanskrit*. S. Durai Raja Singam.
- Soo Yew Phong. (2014). Kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu: Satu kajian morfologi. *TeSSHI 2014 / eProceedings*, 5- 6.
- Steingass, F. J. (1981). *A comprehensive Persian-English dictionary: Including the Arabic words and phrases to be met with in Persian literature*. Oriental Reprint.
- Wilkinson, R. J. (1901). *A Malay-English dictionary*. FMS Government Press.
- Wilkinson, R. J. (1902). *A Malay-English dictionary*. FMS Government Press.
- Winstedt, R. O. (1959). *An unabridged Malay-English dictionary*. Marican.
- Winstedt, R.O. (1961). *The Malay: A cultural history*. Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Wheatley, P. (1961). *The Golden Khersonese*. University of Malaya Press.
- Zaharani Ahmad. (2004). Kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu: Suatu huraian fonologi. Seminar Persahabatan China Malaysia Selama 30 Tahun pada 30 Mei 2004, di Beijing, China, 705-723.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (2009). Aktiviti perdagangan pedagang Arab-Parsi di semenanjung Tanah Melayu berdasarkan sumber asing dan data arkeologi. *Sari International Journal of the Malay World and Civilisation*, 27(2), 155-174.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (2012). Hubungan antara semenanjung Tanah Melayu dengan China sejak awal abad masihi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 30(1), 171-196.